

# Banjir Besar Kajang (1971)

## Dirujuk oleh

- [Kajang 1980-1990-an](#)
- [1963-11-07: Banjir di Kajang](#)

## Perihal

Peta dan gambar-gambar kawasan banjir di sepanjang tebing Sungai Langat di Kajang (termasuk Kampung Jambu dan Sungai Chua), yang dirakamkan pada tahun 1971:-



Peta kawasan banjir Kajang 1971 ([Google Maps](#)).





**(1)** Kampung Jambu: Kedudukannya di tebing Sungai Langat, menyebabkan ianya kawasan pertama yang ditenggelami banjir.



Menelusuri landasan keretapi ke arah Kajang:-

**Kiri (2):** Landasan keretapi menghala ke Kuala Lumpur. Kampung Jambu di sebelah kanan, Sg . Chua di sebelah kiri.

**Kiri (3):** Gurdwara Sikh di Kampung Jambu, bersebelahan pagar landasan.




**Kiri (4):** Sekitar Pejabat Pendaftaran lama.

**Kanan (5):** Jalan Sungai Chua, di luar deretan kedai Kajang Garden (kini Desa Bunga Raya, di bawah jejantas).



**(6):** Landasan keretapi di antara Sungai Chua dan jambatan keretapi.



**(7)** Jambatan keretapi (binaan besi asal, kini konkrit) menyeberangi Sungai Langat, di belakang Arked Mara dan TNB Kajang. Kelihatan landasannya bengkok akibat arus deras.





**Kiri (8)** Gambar diambil dari atas jambatan keretapi. Kelihatan “River View Garden”, bertentangan tokong “Sea Yea (Sin Sze Si Ya)”, di belakang Jalan Mendaling.

**Kanan (9)** Jalan Mendaling - Tokong “Sea Yea (Sin Sze Si Ya)” dari jarak dekat (kedai paling hujung di sebelah kiri).



**(10)** Pandangan sisi tokong “Sea Yea (Sin Sze Si Ya)”. Bahagian yang dinaiki air kini tokong Hokkien.



**(11)** LLN Kajang (kini Kedai Tenaga TNB Kajang), bersebelahan Arked Mara.





**(12) Bulatan Kajang:-**

**Kiri:** Stesen minyak Shell di tengah. Bazaar di sebelah kanan (kini bangunan Metro Plaza).

**Kanan:** Panggung National di tengah. Restoran nasi ayam Chiam Kee di sebelah kiri (kini telah berpindah ke Medan Selera di sebelah Pasar Kajang).



**Kiri (13):** Pasar lama Kajang (kini Arked Mara).

**Kanan (14):** Stesen minyak Shell, berhadapan Stesen Bas Foh Hup (kini tidak lagi beroperasi, tapaknya sebahagian daripada Plaza Metro). Stesen minyak ini telah berpindah ke hadapan Kajang

High School, Jalan Semenyih).



(15): Pandangan sisi bengkel Sin Swee Kee. Di sebelah kanannya pejabat MCA (sedang dibina).

(Sumber gambar: Y.K.Low, Morgan Soo, 29 April, 2008:

"The Great Kajang Flood 70's").

**CATATAN:** Kawasan tebing [Sungai Langat](#) di Kajang ini sering dilanda banjir, dan masih terancam olehnya sehingga kini:-

- [1925 \(3 Disember\): Di sekitar Jalan Kajang - Sg Chua](#)
- [1959 \(18 Disember\): Pusat bandar Kajang, Kg Jambu, Kg Paya](#)
- Y.K.Low, Morgan Soo, 29 April, 2008:

"The Great Kajang Flood 70's".

- Nur Farhana Abdul Manan @ Sinar Harian, 19 Julai 2020:

"Banjir kilat: Penduduk Kampung Jambu, Taman Muhibbah dipindahkan".

- David Christy @ New Straits Times, July 22, 2020:

"The day the sea almost swallowed Kajang".

Pengakuan penting: Kami bukan ahli sejarah! Sila klik di sini untuk penjelasan lanjut.

From: <https://bangi.pulasan.my/> - **Cebisan Sejarah Bangi**

Permanent link: [https://bangi.pulasan.my/banjir\\_kajang\\_1971?rev=1781230437](https://bangi.pulasan.my/banjir_kajang_1971?rev=1781230437)

Last update: **2026/06/12 10:13**

